

'Final Award' tak jejas Sabah sebagai negeri dalam Malaysia

Kerajaan tak berdiam diri, sudah ambil beberapa langkah henti prosiding

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Iah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: 'Final Award' berhubung isu tuntutan waris Sultan Sulu yang dikeluarkan dalam prosiding timbang tara di Mahkamah Arbitari Paris, Perancis mengikut Konvensyen New York baru-baru ini, tidak akan menjejaskan kedudukan Sabah sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata Malaysia beberapa kali menegaskan tidak mengiktiraf mahupun melayan sebarang tuntutan ke atas Sabah, yang diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai antara yang menubuhkan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

"Ingin ditegaskan, kerajaan Malaysia tidak berdiam diri, sebaliknya sudah mengambil beberapa langkah perlu untuk menghentikan prosiding tuntutan berkenaan," katanya ketika

menggulung perbahasan usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Kementerian itu di Dewan Rakyat semalam.

Khamis lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dilaporkan berkata keputusan Mahkamah Arbitrasi Paris supaya Malaysia membayar pampasan AS\$14.92 bilion (RM62.59 bilion) kepada pihak mendakwa sebagai waris Sultan Sulu, adalah tidak sah kerana tidak berlandaskan undang-undang.

Beliau berkata, keputusan ditetapkan penimbang tara, Dr Gondoza Stampa yang mengarahkan Malaysia membayar pampasan berkenaan sudah dibatalkan dan tidak lagi sah dari segi undang-undang.

Pada 28 Februari lalu, agensi berita Sepanyol melaporkan, Malaysia didakwa tidak membayar wang pemisah sejak 2013 dan dikatakan melanggar Perjanjian 1987 ditandatangani Sultan Jamal Al-Alam, Baron De Overbeck dan Alfred Dent mewakili syarikat British Utara Borneo.

Sementara itu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berpendapat, bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas perlu dipertanggungjawabkan atas tindakan yang meletakkan Malaysia dalam kedudukan sukar dalam isu tuntutan waris masyarakat Sulu di Sabah.

Beliau yang juga Pengerusi BN



Saifuddin ketika sesi menjawab perbahasan di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

dan Presiden UMNO berkata, susulan tersebarnya surat bekas Peguam Negara lantikan Pakatan Harapan (PH) itu seperti yang dilaporkan dalam pelbagai media, Tommy perlu penjelasan yang lengkap, telus dan munasabah berhubung perkara terbabit.

"Masyarakat berhak untuk berasa marah dan kesal dengan tindakan bekas Peguam Negara lantikan kerajaan PH terdahulu. Malah, ramai juga mula berasa

tidak selamat. Mana tidaknya, kita sendiri yang mengaku dan mengiktiraf penceroboh sekali pun selepas melakukan pencerobohan wilayah dan membunuh anggota keselamatan kita!

"Kerajaan semasa juga mesti bertindak dengan memanggil bekas Peguam Negara lantikan PH ini untuk tampil membuat penjelasan, malah perlu menubuhkan pasukan khas untuk meneliti keseluruhan perkara ini dan menerangkan semuanya kepada

“Ingin ditegaskan, kerajaan Malaysia tidak berdiam diri, sebaliknya telah mengambil beberapa langkah perlu untuk menghentikan prosiding tuntutan berkenaan”

Saifuddin Abdullah,
Menteri Luar

masyarakat,” katanya dalam satu kenyataan.

Ahmad Zahid berkata, masyarakat perlu bersama-sama meneliti isu itu dengan rapat dan tidak boleh membiarkan Tommy serta mereka yang terbabit dalam isu kedaulatan berkenaan terlepas begitu sahaja.

“Sebelum ini Pulau Batu Puteh sudah terlepas, ini pula isu kedaulatan yang membabitkan Sabah. Mereka tidak boleh dibiarkan terlepas,” katanya menambah, tindakan bekas Peguam Negara bukan sahaja tidak mencerminkan ketegasan negara dalam mempertahankan kedaulatan, malah kerajaan PH tunduk kepada desakan luar dalam isu tuntutan waris masyarakat Sulu di Sabah.